

Headline	Teroka pasaran lebih besar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN	AdValue	RM 6,670
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,010



Teroka pasaran lebih besar

Usahawan perlu optimumkan potensi produk

NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

KUANTAN

Golongan usahawan perlu optimumkan potensi produk yang dihasilkan bagi menembusi pasaran lebih besar.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, ramai usahawan makanan misalnya mempunyai produk berpotensi namun mereka sendiri tidak nampak potensi yang dimiliki, untuk dikembangkan.

Menurutnya, justeru golongan berkenaan perlu dibantu supaya produk yang dihasilkan mampu dikembangkan dan dipa-

sarkan sendiri.

"Saya lihat ada beberapa bentuk bantuan diperlukan golongan usahawan ini antaranya dalam aspek pasaran, geran untuk memulakan perniagaan termasuk pembelian peralatan dan mesin serta rangkaian kerjasama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang di Serambi Teruntum di sini, semalam.

Majlis itu turut dihadiri Pengarah Fama Pahang, Rosli Awang Da.

Fuziah berkata, terdapat usahawan mampu hasilkan produk yang baik tetapi tidak nampak potensinya untuk dipasarkan ke pasaran lebih luas.



Fuziah (duduk, kiri) mencuba cendol durian yang dijual peniaga gerai Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang di Serambi Teruntum, semalam.

"Misalnya ada peniaga buah yang hasilkan sendiri serbuk perasa untuk buah yang dijual sedangkan produk itu sendiri sebenarnya boleh dipasarkan dan sudah tentu ada permintaan.

"Bayangkan semua pe-

niaga buah menggunakan serbuk perasa itu, sudah tentu ia mampu memberi keuntungan," katanya.

Pada masa sama katanya, pihak pasar raya juga perlu membuka peluang kepada usahawan tempat-

an untuk memasarkan produk mereka selain membantu dalam aspek pembungkusan dan sebagainya.

Fuziah turut memuji langkah Fama membantu usahawan di negeri ini de-

info

My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang catat jualan RM492,000 dengan purata RM41,000 sebulan

ngan mengadakan program Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang bagi membantu mempromosikan produk keluaran usahawan.

Program selama tiga hari bermula semalam itu disertai seramai 46 peserta yang memasarkan pelbagai jenis produk termasuk buah-buahan segar dan produk makanan.

Difahamkan Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang yang diadakan tahun lalu mencatatkan jualan RM492,000 dengan nilai jualan purata RM41,000 sebulan.